




H. metro

4/10/16

MIS 15





KEBUN SAYUR LAMAN RUMAH

■ Suami isteri jimat belanja dapur RM450 sebulan

Noor Hidayah Tanzil
am@hmetro.com.my

Sitiawan

Sepasang suami isteri kini mampu mengurangkan belanja dapur mereka sehingga RM450 sebulan dengan menjadikan hobi menanam pelbagai sayuran di halaman rumah sejak 12 tahun lalu.

Mohd Azman Bakar, 48, menanam pelbagai sayuran seperti sawi, kangkung, bayam, petola, labu air, pelbagai ulam dan anggur hanya sebagai hobi sebelum bertukar menjadi pendapatan sampingan apabila tanaman itu hidup subur dan mengeluarkan hasil yang banyak.

Mohd Azman berkata, tujuan utamanya mahu mendidik masyarakat setempat mendalami pertanian biarpun mempunyai ruang terhad, sekali gus membantu mengurangkan belanja dapur.

"Saya dibantu isteri Engku Zaharah Ramli 41, mengurangkan tanaman berkenaan di tempat tinggal kami di Kwarters Penjawat Awam, Lorong Tok Perdana di sini.

"Saya kini mempunyai lebih 20 sayuran pelbagai jenis seperti berdaun hijau, kekacang, ulam, herba dan buah-buahan yang ditanam di halaman dan tepi rumah.

"Kebetulan isteri berniaga nasi lemak dan kuih-muih di tepi rumah, jadi kami menjual hasil kebun mini ini kepada orang ramai dan ke-

untungan diberikan sepenuhnya kepada isteri.

"Saya hanya minat bercucuk tanam dan tugas sebagai penolong pegawai pertanian daerah juga antara pendorong utama saya mengusahakan kebun ini bertujuan mendidik dan memberi contoh kepada masyarakat yang berminat.

"Saya juga sarankan kepada kakitangan yang duduk di kuarters untuk buat seperti ini dan secara tidak langsung dapat menjaga halaman rumah," katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya, lebih menarik tanamannya tidak menggunakan baja kimia dan dia hanya menggunakan cara organik untuk menyuburkan tanamannya.

"Saya guna bahan semula jadi seperti baja organik (najis ayam), air basuhan beras dan ikan manakala untuk mengelakkan serangga, saya menggunakan air semburan yang diperbuat daripada air kisaran bawang putih dan cili padi.

"Hasilnya, kami sekeluarga dapat menikmati pelbagai sayuran sihat dan ini yang saya mahu sampaikan kepada masyarakat kerana di samping itu, ia dapat meningkatkan ekonomi selaras dengan tema Jabatan Pertanian iaitu tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam, selebihnya jual.

"Hampir setiap bulan, kira-kira 500 orang akan datang melawat kebun saya untuk melihat dan belajar cara pengurusan tanaman yang betul," katanya.

Hmetro
2/10/16
ms-14

“Saya kini mempunyai lebih 20 sayuran pelbagai jenis seperti berdaun hijau, kekacang, ulam, herba dan buah-buahan yang ditanam di halaman dan tepi rumah”

Mohd Azman Bakar

LABU air ditanam
Mohd Azman dan
isterinya hidup subur